

# TEKNOLOGI ALAT KORBAN YANG EFISIEN: MASJID PUNCAK ALAM (MPA)

DR HAJI SHUHADAK MAHMUD

NAZIR MPA<sup>1</sup>



## 1: PENDAHULUAN

Masjid perlu diurus dengan terancang dan sistematik bagi mereka yang berkeahlian. Seni mengurus masjid. Staf perlu berurusan dengan semua lapisan masyarakat. Mereka perlu bijak bercampur dan beriltizam dengan amanah yang diberi. Hendaklah belajar daripada pengalaman masjid yang cemerlang dan tidak lokek untuk berkongsi rahsia kejayaan.

Kompleks Masjid Puncak Alam ( mujamma' ) terletak di Jalan Persiaran 1, Bandar Baru Puncak Alam. Kompleks ini dilengkapi dengan kemudahan Bangunan Utama Masjid, Bangunan Dewan Serbaguna, Bangunan Kuliah dan Pentadbiran, Pusat Penyembelihan, Bilik Pengurusan Jenazah dengan fasiliti tempat letak kereta yang selesa. Dengan kapasiti yang boleh memuatkan sekitar 6,000 jemaah. Masjid ini secara rasmi telah beroperasi bermula dari 16 Jun 2014. Dengan kewujudan Masjid Puncak Alam ini, pelbagai aktiviti masyarakat Islam di kariah ini telah berjalan dengan lebih baik dan bersepadu<sup>2</sup>.

---

<sup>1</sup> ) Kertas Ini Dibentangkan Program Konvensyen Fiqh Dan Teknologi Pada 4 Okt 2018 Di Auditorium Institut Sosial Malaysia Kuala Lumpur.

<sup>2</sup> ) Dr Shuhadak Mahmud (2018) MPA : pusat imarah hissi dan maknawi, Aksara Universal ms 5.

Masjid Puncak Alam akan berfungsi sebagai :-

- Pusat penyebaran ilmu dan dakwah berasaskan kepada Al-Quran dan As-Sunnah
- Pusat aktiviti membangunkan ummah dengan mengamal dan menghayati budaya Islam merangkumi (Ibadah Khassah) sosial, ekonomi, politik dan lain-lain.
- Pusat rujukan ilmu-ilmu Islam dengan menyediakan pusat sumber yang lengkap sebagai pusat rujukan, Pusat aduan masyarakat setempat melalui Biro Pengaduan dan Bantuan Awam yang dikendalikan oleh pegawai Kaunseling Bertauliah.

Pengimarah masjid mengandungi dua aspek iaitu membina dan melaziminya. Seseorang hanya dikatakan mengimarahkan masjid sekiranya ia kerap berulang alik ke masjid<sup>3</sup>. Dr. Wahbah al-Zuhaily menerusi *Tafsir al-Munir* menyebutkan bahawa 'imarah dari sudut bahasa ialah melazimi masjid, berada di dalamnya, beribadah, membina dan memperelokkan binaanya. Ia merangkumi dua kategori: *hissi* dan *ma'nawi*. Imarah *hissi* ( yang boleh dilihat dan diukur dengan pancaendera ) seumpama memperelokkan bangunannya, membersihkannya, memasang karpit, menyalakan lampu. Manakala 'imarah *ma'nawi* pula bermaksud solat, zikir, iktikaf, ziarah dan zikir yang paling agung ialah pengajian ilmu bahkan inilah 'imarah yang paling utama seperti yang disebut oleh al-Zamakhsyari<sup>4</sup>. Masjid Puncak Alam paling dikenali dengan pusat penyembelihan di masjid dan kaedah korban modennya di negara ini.

## 2: FIQH SEMBELIHAN

Sesungguhnya sembelihan merupakan perkara yang tunduk kepada panduan syariat berdasarkan nas quran dan hadis. Mematuhi hukum hakam berkaitannya merupakan bukti iltizam dan kepatuhan kepada syiar agama dan petunjuk yang membezakan ciri seorang muslim dan non muslim. Nabi bersabda :

من صلى صلاتنا، واستقبل قبلتنا، وأكل ذبيحتنا، فذلك المسلم الذي له ذمة الله ورسوله

<sup>3</sup> ) al-Imam Fakhr al-Razi ( 1997) *al-Tafsir al-Kabir*, Dār Ihya' al-Turath , Beirut. ms.9.

<sup>4</sup> ) Dr Wahbah al-Zuhaily ( 1991 ) *al-Tafsir al-Munir*, Dār al-Fikr Beirut h. 136.

Ertinya: barangsiapa yang solat, mengadap kiblat dan makan binatang sembelihan kami, maka itulah muslim yang berada dibawah tanggungan Allah dan RasulNya<sup>5</sup>.

## 2.1 : DEFINISI

Penulis *fiqh islami wa adillatuhu* menyebut penyembelihan (*zabh, dzakat, tazkiah*) secara bahasa ialah memotong, membelah atau membunuh suatu haiwan. Manakala dari sudut terminologi pula terdapat khilaf dikalangan fuqaha' didalam mendefinisikannya menurut bahagian yang wajib dipotong didalam binatang sembelihan tersebut. Ianya boleh disimpulkan sebagai penyembelihan di bahagian atas leher, bawah leher atau melakukan penikaman yang mematikan pada haiwan yang halal dimakan<sup>6</sup>. Syaikh Abd al Karim Zaidan menyebut: Takrif ini mencakupi sembelihan *ikhtiyari* dan *idthirori*<sup>7</sup>.

## 2.2: JENIS DAN TEKNIK SEMBELIHAN

Tazkiah terdiri daripada tiga bahagian/ tiga teknik penyembelihan :

- 2.2.1 : *Zabh* – menyembelih dengan memotong kerongkong yang berada dibahagian **atas** leher dari haiwan yang dikuasai ketika disembelih.
- 2.2.2 : *Nahr* – – menyembelih dengan memotong kerongkong yang berada dibahagian **bawah** leher dari haiwan yang dikuasai ketika disembelih
- 2.2.3 : *'uqr* – melukai haiwan dengan luka yang meragut nyawa haiwan tersebut. Ia dilakukan pada mana-mana bahagian dari tubuh haiwan tersebut. Secara lazimnya MPA menggunakan teknik *al-zabh*.

## 2.3 : EMPAT JENIS KEMATIAN HAIWAN TIDAK DITERIMA OLEH AL-QURAN.

2.3.1 : **الْمُنْحَنَةُ** yang mati tercekik

---

<sup>5</sup>) al Bukhari hadis 388 bab kelebihan mengadap kiblat..

<sup>6</sup>) Prof Wahbah ( 2011 ) Fiqh Islami Waadillatuh juz 4 ms 304 dan 305.

<sup>7</sup>) Prof Abd Karem Zaidan( 2000) al-Mufassal Fi Ahkam al-marah wa albeif al-muslim fi al-syariah al-islamiyah j.3 ms 20. Muassasah al-Risalah Lubnan

2.3.2 : *الْمَوْقُودَةُ* yang mati dipukul

2.3.3 : *الْمُتَرَدِّيَةُ* yang mati jatuh dari tempat yang tinggi

2.3.4 : *النَّطِيحَةُ* yang mati ditanduk

Ini berdasarkan firman Allah didalam Surah al-maidah ayat 3;

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنْزِيرِ وَمَا أُهْلِيَ لغيرِ اللَّهِ بِهِ وَالْمُنْحَنَقَةُ وَالْمَوْقُودَةُ وَالْمُتَرَدِّيَةُ  
وَالنَّطِيحَةُ وَمَا أَكَلَ السَّبُعُ إِلَّا مَا ذَكَّيْتُمْ

*Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih), dan darah (yang keluar mengalir), dan daging babi (termasuk semuanya), dan binatang-binatang yang disembelih kerana yang lain dari Allah, dan yang mati tercekik, dan yang mati dipukul, dan yang mati jatuh dari tempat yang tinggi, dan yang mati ditanduk, dan yang mati dimakan binatang buas, kecuali yang sempat kamu sembelih (sebelum habis nyawanya)....*

Allah mengharamkan segala haiwan yang mati kecuali disembelih ketika hayatnya<sup>8</sup>

## 2.4 : RUKUN SEMBELIHAN

2.4.1: berlaku penyembelihan yang mematikan binatang termasuklah dengan melukakan mana-mana bahagian binatang yang tidak boleh disembelih mengikut kaedah biasa.

2.4.2 : penyembelih ialah muslim atau ahli kitab

2.4.3 : binatang sembelihan hendaklah yang halal dimakan dan ia masih hidup

2.4.4 : alat sembelihan hendaklah tajam yang melukakan dan bukan daripada tulang dan kuku. Atau alat tersebut daripada binatang yang terlatih seperti anjing atau burung<sup>9</sup>.

<sup>8</sup> ) prof wahbah Fiqh Islami Waadillatuh ms 581

<sup>9</sup> ) Sayyid Ahmad al-Syatiri ( *al-Yaqut al-Nafis* ) ms 201-203

Mengenai hikmah alat sembelihan ini para ulama' telah mengutarakan pandangan mereka. Adapun larangan menggunakan tulang, menurut Imam Ibn Solah ianya adalah *taa'bbudi*. Pandangan ini disokong oleh Imam Izzuddin Abd Salam. Al-Imam al-Nawawi pula berpandangan bahawa tulang itu tidak boleh dinajiskan seperti alat untuk istinjak. Ia merupakan makanan saudaramu dikalangan jin. Adapun kuku yang menjadi alat sembelihan orang Habshah kerana kita dilarang untuk meniru dan menyerupai mereka <sup>10</sup>.

## 2.5: DALIL

### 2.5.1 : Al-Quran

Surah al-Maidah ayat 3. (seperti di atas)

### 2.5.2 : Al-Sunnah

مَا أَنْهَرَ الدَّمَ وَذُكِرَ اسْمُ اللَّهِ فَكُلْ لَيْسَ السِّنُّ وَالظُّفْرُ وَسَأَحَدْتُكَ أَمَّا السِّنُّ فَعِظْمٌ وَأَمَّا الظُّفْرُ

Ertinya : *Gunakanlah apa-apa sahaja yang boleh mengalirkan darah dan disebut فَمُدَى الحَبْشَةِ padanya nama Allah Taala, kemudian makanlah (sembelihan tersebut ) kecuali gigi dan kuku. Dan daku akan menerangkannya kepadamu (mengapa tidak dibenarkan penggunaan kedua-dua alat tersebut untuk menyembelih) .*

*Adapun gigi, kerana ia adalah daripada jenis tulang manakala kuku pula kerana ia senjata (pisau) orang Habsyah. (sedangkan orang islam diarahkan agar tidak mencontohi perbuatan orang kafir) <sup>11</sup>.*

**2.5.3 : Ijmak :** umat islam telah bersepakat mengenai pensyariatian sembelihan didalam islam<sup>12</sup> .

## 2.6: HIKMAH PENYEMBELIHAN

Al-Imam al-Nawawi berkata : sebahagian ulama menyatakan hikmah sembelihan dan mengalirkan darah haiwan adalah untuk membezakan halanya daging dan lemak dari yang

<sup>10</sup> ) Syaikh Khatib al-Syirbin ( 1996) *al-Iqna'* Dar al-Khair, Beirut juz 2, ms.803.

<sup>11</sup> ) hadis riwayat imam Bukhari 2308 dan Muslim 5085.

<sup>12</sup> ) al-muktamad ms 582.

haramnya, serta menyedarkan akan haramnya bangkai kerana masih adanya darah didalam tubuhnya<sup>13</sup>.

Untuk melepaskan nyawa binatang dengan jalan yang paling mudah, yang dapat meringankan dan tidak menyakiti atau menyeksanya. Dengan ini disyaratkan alat yang digunakan itu hendaklah tajam. Sehubungan dengan itu, hikmat diharamkan menggunakan alat-alat penyembelihan yang ditegah adalah kerana ianya menyakitkan binatang, sedangkan Islam menyuruh mematikan binatang secara baik dan sopan, dengan ini akan melahirkan rasa ihsan ke atas binatang bagi memupuk jiwa yang baik. Selain itu, membezakan cara penyembelihan yang sah dan cara penyembelihan yang tidak sah serta perbezaan cara penyembelihan orang-orang bukan Islam. Ini menunjukkan Islam itu satu sistem hidup yang sempurna dan tersusun rapi, disamping itu melatih manusia supaya mematuhi suruhan Allah S.W.T. sewaktu mendapat makanan. Disyaratkan supaya disembelih di leher kerana penyembelihan yang dilakukan pada leher adalah untuk mempercepatkan matinya haiwan sembelihan dan cepat keluar roh (nyawa). Selain itu juga, Darah yang mengalir keluar semuanya tidak mendatangkan bau busuk berbanding dengan yang tidak keluar darah kerana memakan bangkai dan darah tak ubah seperti haiwan. Sebahagian darah di tubuh haiwan yang halal dimakan harus dikeluarkan dan nyawa haiwan itu keluar secara beradab<sup>14</sup>.

Sehubungan dengan itu juga, untuk memastikan bahawa makanan yang dimakan oleh orang-orang Islam suci dan halal serta bagi memelihara akidah umat Islam kerana penyembelihan yang dilakukan itu atas nama Allah S.W.T. dan sebagai tanda penghormatan dan kesyukuran manusia terhadap salah satu daripada sumber nikmat makanan yang dikurniakan oleh Allah S.W.T<sup>15</sup>.

Penyembelihan dilakukan untuk membersihkan haiwan yang boleh dimakan dagingnya dari darah yang bernajis yang membawa berbagai penyakit, mudarat dan bakteria. Jika haiwan tidak disembelih maka darah yang bernajis tersebut masih tersisa tinggal didalam

---

<sup>13</sup> ) Prof Muhammad al-Zuhaili ( ) al-muktamad ms582 dan 583

<sup>14</sup> ) [http://watashi-izuan.blogspot.com/2009/05/tesis-konsep-penyembelihan-binatang-dah.html#\\_ftn21](http://watashi-izuan.blogspot.com/2009/05/tesis-konsep-penyembelihan-binatang-dah.html#_ftn21)  
konsep penyembelihan binatang dah hikmahnya : satu kajian perbandingan empat mazhab

<sup>15</sup> ) ibid

sel-sel dan urat-urat yang ada di daging haiwan. Dengan demikian, memakannya akan menimbulkan bahaya yang bertentangan dengan tujuan syariat dalam menepis pelbagai bahaya<sup>16</sup>.

## 2.7 : KAEDAH ALIRAN ELEKTRIK (ELETRICAL STUNNING)

Penggunaan *eletrical stunning* dalam penyembelihan haiwan adalah harus. Merujuk kepada Fatwa Kebangsaan yang bersidang pada 25 september 2005 memutuskan bahawa: *Eletrical stunning* ialah sejenis alat pelalian ke atas binatang seperti lembu dan kambing. Alat ini menggunakan kuasa elektrik untuk memengsankan binatang sebelum disembelih.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa telah berpegang kepada hujah seperti berikut:

1) Di antara tujuan penyembelihan yang dikehendaki oleh Islam ialah untuk mematikan binatang dengan cara yang baik dan memberi rahmat kepada binatang kerana binatang yang disembelih mengikut cara Islam ini akan dapat mengeluarkan banyak darah. Darah tidak beku di dalam daging dan sistem pernafasannya terputus dengan serta merta. Keadaan ini menjadikan binatang cepat mati.

2) Islam amat mengutamakan memberi rahmat kepada makhluk-makhluk lain terutamanya kepada binatang, cara penyembelihan yang dianjurkan oleh Islam sebenarnya telah menunjukkan kerahmatan atau kebajikan Islam ke atas binatang, Rasulullah SAW sendiri telah menegaskan umatnya agar berlaku baik dan memberi rahmat kepada binatang.

3) Penggunaan *eletrical stunning* ke atas binatang sebelum penyembelihan mengakibatkan seekor binatang itu lali atau pengsan disebabkan terkena kejutan elektrik. Binatang ini akan disembelih semasa ia pengsan dan bergerak sehingga mati. Perbuatan sengaja memengsankan seekor binatang sebelum disembelih ini adalah dikira berkait rapat dengan

---

<sup>16</sup>) prof Muhammad al-zuhaili ms 582

perkara yang berhubung dengan konsep ehsan di dalam sembelihan dan ketentuan hayat mustaqirah di dalam sembelihan <sup>17</sup>.

Jadi keputusan Fatwa Kebangsaan telah memutuskan bahawa Penggunaan *Eletrical Stunning* dalam penyembelihan lembu dan seumpamanya adalah harus.

إن الله كتب الإحسان على كل شيء فإذا قتلتم فأحسنوا القتلة وإذا ذبحتم فأحسنوا الذبحة وليحد أحدكم شفرته وليرح ذبيحته.

Maksudnya: “*sesungguhnya Allah telah mewajibkan ihsan ke atas setiap sesuatu. Jika kamu ingin membunuh seseorang (kerana hukum hudud), maka bunuhlah dengan baik. Jika kamu hendak menyembelih (binatang), maka sembelihlah dengan baik. Hendaklah seorang di antara kamu mempertajamkan pisaunya dan janganlah kamu menakut-nakuti binatang yang hendak disembelih (dengan senjata tajam)*”<sup>18</sup>.

Berdasarkan hadis di atas jelaslah Islam menekankan bentuk penyembelihan dan mengambilkira cara pengambilan nyawa atau mematikan binatang. Hal ini adalah sebagai melatih dan mendidik jiwa setiap muslim bersifat ihsan, berdisiplin dan penuh tanggungjawab.

## **2.8: PERKARA-PERKARA SUNAT :**

2.8.1: Menghadap kiblat.

2.8.2: Membaca basmalah. Ini termasuk ketika memanah serta mengutus haiwan pemangsa. Jika sengaja tidak membaca basmalah hukumnya adalah sah tetapi makruh.

2.8.3: *Zabh* dan *nahr*. Teknik *nahr* dilakukan pada unta iaitu dengan memotong kerongkong yang berada di bawah bahagian leher. *Zabh* pada selain daripada unta

---

<sup>17</sup> ) muzakarah fatwa kebangsaan <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-mengenai-stunning-haiwan>.

<sup>18</sup> ) (Hadith Riwayat Muslim: 1955, Ahmad: 16664, 16679, Abu Daud: 2815, At-Tirmidzi: 1409 dan selain mereka itu)

iaitu dengan memotong kerongkong yang ada di bahagian atas leher yang berada di akhir dua rahang. Jadi acuannya adalah memotong tempat keluarnya nafas dan tempat aliran makanan dan minuman.

2.8.4 : Membaringkan lembu dan kambing diatas bahagian kirinya serta membiarkan kaki kanannya dengan mengikat tiga kakinya.

2.8.5 : Memotong dua urat leher bersamaan dengan kerongkong <sup>19</sup>.

2.8.6 Disunatkan membawa haiwan sembelihan ketempat sembelihan dengan lembut dan dibaringkan dengan lembut serta disiram air sebelum disembelih <sup>20</sup>.

## **2.9 : PUSAT SEMBELIHAN MPA**

Bagi melengkapkan MPA sebagai *one stop center* yang berdaya saing dan unggul, satu pusat sembelihan turut disediakan didalam kawasan masjid ini. Rata-rata pengunjung tidak akan melepaskan peluang untuk melihat dengan dekat pusat sembelihan ini. Ia dilengkapi dengan kandang berpagar besi, mesin hidraulik, mesin pemotong tulang, troli, tempat pencangkuk di sebuah bangunan yang lengkap. Begitulah keunikan ibadah korban di Masjid Puncak Alam yang berbeza daripada ibadah korban tradisional di masjid-masjid. Ia dilengkapi pusat penyembelihan haiwan ternakan berciri moden dan sistematik berkeluasan 462 meter persegi.

Tidak keterlaluan jika dikatakan Masjid Puncak Alam paling dikenali dengan pusat penyembelihan di masjid dan kaedah korban modennya di negara ini. Sebuah mesin hidraulik binaan tetap di pusat penyembelihan itu telah memudahkan kerja-kerja sembelihan di masjid tersebut sejak tiga tahun lalu <sup>21</sup>.

---

<sup>19</sup> ) Prof Muhamad al-Zuhaili ( 2009 ) al-muktamad fi fiqh syafei ( terj Yusof Sinaga dan M.Haron Zain) jilid 2 ms 595-599

<sup>20</sup> ) al muktamad ms 591

<sup>21</sup> ) kosmo bertarikh 21 ogos 2018, Adham Shadan.

### 2.9.1 : MESIN HIDRAULIK BANTU SEMBELIHAN



Lembu-lembu itu ‘beratur’ untuk disembelih. Di satu laluan khas berpagar yang diperbuat daripada besi bergalvani di tepi padang ragut di kawasan Masjid Puncak Alam, Selangor yang berseni bina moden, lembu-lembu itu bakal dikorbankan satu persatu dalam tempoh singkat.

Tanpa panorama orang ramai bekerja keras menarik tali yang mengikat kaki-kaki lembu untuk dijatuhkan seperti acara korban tipikal, tiada juga lembu yang dihentak jemaah ketika berhempas pulas untuk menumbangkan haiwan itu ke tanah. Kegusaran orang awam dikejar lembu naik minyak juga hampir tiada kerana padang ragut itu dikandang ampuh dengan batang-batang besi utuh. Mesin sembelihan pula mengambil alih tugas sebahagian besar tenaga manusia dalam memudahkan urusan korban sehingga 20 ekor lembu pada Hari Raya Aidiladha. Dengan menekan salah satu tombol, mesin yang sudah berisi lembu hidup itu diarahkan ke arah kiblat untuk sembelihan oleh imam yang sudah bersedia dengan pisau tajam.



Mesin hidraulik berserta sistem di pusat penyembelihan itu direka oleh pereka cipta peralatan berteknologi Zulkifli Haron daripada Zull Design Autotronic. Kewujudan pusat sembelihan itu ditunjangi oleh Pengerusi Masjid Puncak Alam, Tan Sri Rozali Ismail yang juga selaku pencetus idea, penyumbang dan pewakaf utama. Mesin tersebut dibeli pada harga RM150,000 manakala kos keseluruhan pusat penyembelihan ialah lebih RM260,000.

### 2.9.2 : TOMBOL



Pegawai Teknikal Masjid, Mohd. Zain Kamarul Anowa yang bertanggungjawab mengendalikan mesin tersebut berkata, penggunaan mesin itu membolehkan proses sembelihan lembu berlangsung lebih singkat. “Ketika mula mengendalikan mesin ini pada tahun 2015, saya berasa teruja kerana tidak pernah menyaksikan sesuatu seperti ini. Saya tidak pernah menyangka korban dapat dipraktikkan secanggih ini. “Proses untuk lembu masuk ke pintu mesin sehingga ia selesai disembelih cuma mengambil masa antara lima

hingga 10 minit,” mesin yang diperbuat daripada besi keluli tahan karat itu mempunyai beberapa tombol seperti pintu, perut, badan, tengkuk, sangkar dan platform. “Tombol pintu ditekan untuk membuka dan menutup pintu mesin setelah seekor lembu memasukinya. Proses penghimpitan pula dilakukan dengan menekan tombol perut, badan dan tengkuk bagi besi memegang bahagian-bahagian tubuh haiwan itu. Tombol badan membantu membuat haiwan itu berdiri sekiranya ia stres dan duduk.

“Apabila tombol sangkar diaktifkan, mesin yang pada asalnya dalam kedudukan tegak akan mengiring atau dibaringkan ke kanan, sekali gus lembu dalam kedudukan tumbang. Kemudian, tombol platform ditekan untuk mengarahkan lembu dan mesin ke arah kiblat sebelum imam menyembelih haiwan itu,<sup>22</sup>” .

### 2.9.3: SALIRAN



Mohd. Zain berkata, biasanya korban di masjid itu melibatkan tidak kurang 15 ekor lembu tetapi pada tahun ini sembelihan 20 ekor lembu akan dilakukan pada hari raya pertama

---

<sup>22</sup> ) kosmo

Aidiladha dan lima ekor lembu lagi pada Sabtu atau hari raya keempat daripada sebuah NGO<sup>23</sup>.

Imam Masjid Puncak Alam, Afif Izwan Nordin berkata, sistem yang terdapat pada pusat penyembelihan itu bukan sahaja memudahkan urusan korban dengan mengurangkan penggunaan tenaga manusia bahkan lebih selamat dan bersih. Kebersihan merupakan sebahagian tuntutan dan kesempurnaan beragama<sup>24</sup>. “Boleh dikatakan 80 peratus proses penyembelihan sehingga melapah dan memotong di pusat penyembelihan ini menggunakan bantuan teknologi. “Jika korban tradisional mungkin memerlukan 10 orang untuk menumbangkan seekor lembu, kaedah ini mungkin memerlukan cuma empat orang iaitu tiga orang memegang kepala dan seorang tukang sembelih, bilangan ini tidak termasuk seorang jurukawal mesin.

Bukan itu sahaja, Afif Izwan berkata, pusat penyembelihan itu juga dilengkapi rel besi penyangkut daging lembu di atas siling bagi memudahkan proses melapah serta sistem saluran darah lembu korban yang menapis darah beku dan lemak bagi menghindari pencemaran persekitaran. “Bagi korban tradisional, kebiasaannya kapak digunakan untuk memotong tulang tetapi di sini, kami menggunakan mesin pemotong tulang yang direka khas,” inilah budaya al-itqan dan sistematik yang digalakkan didalam Islam.

Sebelum ini, pusat penyembelihan ini hanya digunakan setahun sekali apabila tiba perayaan Aidiladha, namun sejak tiga bulan lalu, pihak masjid telah mempromosikan perkhidmatannya kepada orang awam yang berminat menggunakannya untuk sembelihan. “Setakat ini, sudah ada pihak lain yang menggunakannya untuk tujuan kenduri. Mereka perlu membawa lembu ke sini untuk sembelih kerana mesin ini berbinaan tetap,<sup>25</sup>. MPA merancang untuk membekalkan daging segar *halalan toyyiban* kepada kariah dengan memanfaatkan teknologi dan pusat sembelihan yang ada. Hasil keuntungan daripada jualan daging ini akan dimasukkan ke dalam tabung masjid bagi mengimarahkan aktiviti masjid<sup>26</sup>.

---

<sup>23</sup> ) wawancara 13 september 2019 di MPA

<sup>24</sup> ) ibid

<sup>25</sup> ) kosmo

<sup>26</sup> ) Tan Sri Rozali Ismail : ucapan sempena Aidil Adha 1439 h.

# Rancang jadi hab halal setempat

MASJID Puncak Alam di Selangor merencana untuk menjadikan pusat penyembelihan haiwan ternakan di masjid berkenaan sebagai hab halal setempat bagi perancangan masa hadapan.

Sering menjadi tumpuan banyak pihak kerana bersifat komprehensif dan sistematik, perkara itu dilihat sesuatu yang bertepatan untuk direalisasikan.

**Nazir dan Pengurus Masjid Puncak Alam, Dr. Shuhadak Mahmud** berkata, pihak masjid merangka untuk menjadikan pusat penyembelihan itu sebagai

hab halal yang dapat menyediakan daging-daging haiwan ternakan halal dan segar bagi orang ramai khususnya penduduk di Puncak Alam.

"Kami merancang untuk menjadikannya sebagai tempat penyembelihan dan membekalkan daging-daging haiwan ternakan yang halal serta segar kepada penduduk setempat.

"Sebahagian kecil wang hasil pembelian daging itu mungkin disalurkan kepada masjid, sekali



SHUHADAK

gus membolehkan orang ramai membeli sambil menyumbang kepada pembangunan masjid," katanya.

Bagaimanapun, Shuhadak berkata, sasaran untuk melaksanakan program itu masih belum dapat ditentukan.

Berhubung penggunaan teknologi moden di pusat penyembelihan masjid itu, Shuhadak berkata, ia membantu memudahkan anak-anak kariah dalam melaksanakan urusan ibadah.

"Selain itu, penggunaan ini juga dapat menaikkan imej masjid sebagai syiar agama Islam dan menunjukkan bahawa masjid juga seiring dengan dunia yang semakin moden.

"Ia juga akan menarik anak-anak muda dan orang ramai untuk mendampingi masjid.

"Selain itu, landskap masjid yang ceria dan menghijau dengan sokongan sistem pencahayaan serta siar raya yang dikawal selia secara rapi membantu memberikan keselesaan kepada pengunjung," katanya.

Berkesempatan mengunjungi masjid itu baru-baru ini, Kosmo! dapati pusat penyembelihan itu boleh disifatkan moden dan berkelengkapan komprehensif. Dibina dengan reka bentuk terbuka, pengudaraannya juga selesa dengan kipas-kipas di dinding<sup>27</sup>.

## 2.9.4 : CANGGIH DAN MODEN.

Jurutera di Zull Design Autotronic, Muhammad Asyraf Zulkifli berkata, mesin tersebut dipanggil mesin hidraulik kerana dioperasi menggunakan minyak hidraulik. "Namun, kami biasanya hanya datang ke situ untuk melakukan servis penyelenggaraan minyak itu setahun sekali. Kebiasaannya minyak tersebut tahan lama, namun jika minyak sudah tidak elok, kita akan gantikan minyak yang baharu.

"Berat mesin hidraulik itu ialah lima tan dan diperbuat daripada besi keluli tahan karat. Boleh dikatakan, mesin yang dibeli oleh masjid tersebut adalah yang terbaik yang pernah kami hasilkan. Selain itu katanya, rel besi penyangkut lembu itu pula menggunakan teknologi winch yang mana dapat mengangkut bebanan berat sehingga tiga tan. "Pagar kandang pula yang berukuran antara enam hingga 12 meter (m) direka boleh dibuka pada setiap 1.5m, sekali gus memudahkan urusan pengalihan dan pergerakan lembu tanpa perlu digerakkan jauh," katanya<sup>28</sup>.

<sup>27)</sup> kosmo

<sup>28)</sup> kosmo

Cara penyembelihan moden menggunakan alat-alat canggih adalah dibenarkan. Tidak ada larangan menggunakan peralatan yang fungsinya melemahkan perlawanan haiwan ketika disembelih tanpa menimbulkan sakit pada haiwan tersebut <sup>29</sup>.

### 2.9.5 : KAMBING AUSTRALIA



“Pusat penyembelihan masjid ini juga pernah digunakan untuk sembelihan kambing Australia oleh satu pihak dari Australia dan telah mendapat kebenaran oleh pihak audit dari negara itu yang mendapati pusat penyembelihan ini menepati piawaian mereka. Sebanyak 20 ekor kambing disembelih pada hari korban 1439 H. Mereka hanya menggunakan tempat ini untuk sembelihan dan bukan mesin kerana setakat ini mesin kita hanya digunakan untuk sembelihan lembu<sup>30</sup>

---

<sup>29</sup> ) Prof wahbah jilid 4 ms 335

<sup>30</sup> ) wawancara Afif Izwan

### 3.0: KUNJUNGAN LUAR.



Banyak pihak telah melakukan kunjungan untuk menyaksikan amalan korban moden di pusat penyembelihan antaranya Jabatan Mufti Negeri Selangor, Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan dan masjid-masjid sekitar Kuala Lumpur, Rombongan Daripada Medan Indonesia, Pegawai-Pegawai Eksekutif Lemabaga Masjid N.Sembilan, Ajk Masjid Panchor Jaya Seremban, Ajk Masjid Kg Paya Port Dickson, Ajk Masjid Kelantan, UMP, Pensyarah USIM dan USM dan lain-lain. Tuanku Sayed Faizuddin ibn Tuanku Sayed Sirajuddin Tuanku Mahkota Perlis turut berkenaan meninjau mesin hidrolik ini ketika kunjungan beliau ke UITM kampus Puncak Alam pada 9 sept 2018 <sup>31</sup>.

Pihak JAIS turut memilih pusat sembelihan MPA sebagai lokasi melaksanakan TOT mereka pada 20 september yang lalu. Program yang melibatkan 20 orang trainer penyembelih yang mendapat tauliah JAIS ini menumbangkan seekor lembu dan seekor kambing pada hari kejadian.

---

<sup>31</sup> ) Kayuhan Amal Raja Muda Perlis Di UITM Puncak Alam

### 3.1 : PENUTUP DAN KESIMPULAN

**3.1.1 :** MPA berjaya merealisasikan konsep one stop center yang penuh imarah. Ia merangkumi dua kategori: *hissi* dan *ma'nawi*. Pusat sembelihan moden yang menggunakan teknologi alat korban yang efisien termasuk daripada mafhum ini.

**3.1.2 :** MPA paling dikenali dengan pusat penyembelihan di masjid dan kaedah korban modennya di negara ini. Sebuah mesin hidraulik binaan tetap di pusat penyembelihan itu telah memudahkan kerja-kerja sembelihan di MPA.

**3.1.3 :** Cara penyembelihan moden menggunakan alat-alat canggih dan moden adalah dibenarkan. Tidak ada larangan menggunakan peralatan yang fungsinya melemahkan perlawanan haiwan ketika disembelih tanpa menimbulkan sakit pada haiwan tersebut

**3.1.4:** sembelihan merupakan perkara yang tunduk kepada panduan syariat berdasarkan nas quran dan hadis. Mematuhi hukum hakam berkaitannya merupakan bukti iltizam dan kepatuhan kepada syiar agama dan petunjuk yang membezakan ciri seorang muslim dan non muslim. Nabi bersabda :

من صلى صلاتنا، واستقبل قبلتنا، وأكل ذبيحتنا، فذلك المسلم الذي له ذمة الله ورسوله



# PUSAT PENYEMBELIHAN HAIWAN TERNAKAN MASJID PUNCAK ALAM



Halalan Toyyiban ★ Moden & Sistematis ★ Penyembelih Ternakan Bertauliah ★ Selesa, Cepat & Mudah  
Mematuhi Garis Panduan Sembelihan Ternakan ★ Mengutamakan Kebersihan


## Proses Penyembelihan Haiwan ternakan



Lembu diturunkan dari lori. Bebas dalam kandang yang luas. Laluan ke tempat penyembelihan

SEBELUM

Haiwan ternakan diturunkan dari lori dan dibiarkan bebas di dalam kandang yang luas. Kemudian, haiwan ternakan melalui laluan yang disediakan untuk tujuan penyembelihan.



**Fungsi 'Slaughter Box Machine'**  
Setelah lembu masuk ke dalam Slaughter Box Machine, alat penekan badan lembu digerakkan untuk memegang bahagian badan lembu. Alat penahan perut digerakkan ke atas bagi mengelakkan kedudukan lembu terlalu rendah. Seterusnya alat penekan leher digerakkan untuk memegang bahagian leher lembu. Rotating table berfungsi untuk menukar arah menghadap kiblat dengan gerakan pusingan. Slaughter box akan bergerak bagi tujuan sembelihan. Sembelihan dilakukan oleh Penyembelih yang bertauliah.

SEMASA

### A Proses Penyembelihan

B


### B Proses Melapah

C

### C Memotong

D

### D Pembungkusan & Pengagihan



### D Proses Pembungkusan & Pengagihan



Untuk keterangan lanjut, sila hubungi :  
  
Pej. Masjid Puncak Alam  
03-3392 2811 / 2814



**RENCANA UTAMA**

MESIN dikawal dengan mengaktifkan tombol-tombol yang bertulis pintu, perut, leher dan sebagainya untuk proses sembelihan.

REL penyangkut di bahagian atas bangunan yang direka khas mampu mengangkat bebanan sehingga lima tan untuk proses melapah.

Pusat penyembelihan di Masjid Puncak Alam, Selangor berkelengkapan komprehensif dengan sistem saliran sistematik. Dilengkapi mesin hidraulik, proses untuk sembelihan seekor lembu hanya memakan masa antara lima hingga 10 minit.

# Mesin hidraulik bantu sembelihan

**L**EMBU-LEMBU itu 'beratur' untuk disembelih. Di satu laluan khas berpagar yang diperbuat daripada besi bergalvani di tepi padang ragut di kawasan Masjid Puncak Alam, Selangor yang berseni bina moden, lembu-lembu itu bakal dikorbankan satu per satu dalam tempoh singkat. Tanpa panorama orang ramai bekerja keras menarik tali yang mengikat kaki-kaki lembu untuk dijatuhkan seperti acara korban tipikal, tiada juga lembu yang dihentak jemaah ketika berhempas pulas untuk menumbangkan haiwan itu ke tanah. Kegusaran orang awam dikejar lembu naik minyak juga hampir tiada kerana padang ragut itu dikandang ampuh dengan batang-batang besi utuh.

Mesin sembelihan pula mengambil alih tugas sebahagian besar tenaga manusia dalam memudahkan urusan korban sehingga 20 ekor lembu pada Hari Raya Aidiladha. Dengan menekan salah satu tombol, mesin yang sudah berisi lembu hidup itu diarahkan ke arah kiblat untuk disembelih oleh imam yang sudah bersedia dengan pisau tajam. Begitu lah keunikan ibadah korban di Masjid Puncak Alam yang berbeza daripada ibadah korban tradisional di masjid-masjid. Ia dilengkapi pusat penyembelihan haiwan ternakan bereiri moden dan sistematik berkeluasan 462 meter persegi. Tidak keterlaluan jika dikatakan Masjid Puncak Alam paling

dikenali dengan pusat penyembelihan di masjid dan kaedah korban modernnya di negara ini. Sebuah mesin hidraulik binaan tetap di pusat penyembelihan itu telah memudahkan kerja-kerja sembelihan di masjid tersebut sejak tiga tahun lalu.

**Tombol**  
Mesin hidraulik berserta sistem di pusat penyembelihan itu direka oleh pereka cipta peralatan berteknologi Zulkiffi Haron daripada Zull Design Autotronic. Kewujudan pusat sembelihan itu ditunjangi oleh Pengerusi Masjid Puncak Alam, Tan Sri Rozali Ismail yang juga selaku pencetus idea, penyumbang dan pewakaf utama. Mesin tersebut dibeli pada harga RM150,000 manakala kos keseluruhan pusat penyembelihan ialah lebih RM260,000. Pegawai Teknikal Masjid, Mohd. Zain Waifir Kamarul Anowa yang bertanggungjawab mengendalikan mesin tersebut berkata, penggunaan mesin itu membolehkan proses sembelihan lembu berlangsung lebih singkat. "Ketika mula

mengendalikan mesin ini pada tahun 2015, saya berasa teruja kerana tidak pernah menyaksikan sesuatu seperti ini. Saya tidak pernah menyangka korban dapat dipraktikkan secanggih ini. "Proses untuk lembu masuk ke pintu mesin sehingga ia selesai disembelih cuma mengambil masa antara lima hingga 10 minit," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di masjid tersebut baru-baru ini. Mohd. Zain menjelaskan, mesin yang diperbuat daripada besi keluli tahan karat itu mempunyai beberapa tombol seperti pintu, perut, badan, tengkuk, sangkar dan platform. "Tombol pintu ditekan untuk membuka dan menutup pintu mesin setelah seekor lembu memasukinya. Proses penghimpitan pula dilakukan dengan menekan tombol perut, badan dan tengkuk bagi besi memegang bahagian-bahagian tubuh haiwan itu. Tombol badan membantu membuat haiwan itu berdiri sekiranya ia stres dan duduk. "Apabila tombol sangkar diaktifkan, mesin yang pada asalnya dalam kedudukan tegak akan mengiring atau dibarangkan ke kanan, sekali gus lembu dalam kedudukan tumbang. Kemudian, tombol platform ditekan untuk

PUSAT penyembelihan yang bereka bentuk terbuka.



PADANG ragut yang dipagari dengan besi bergalvani terletak bersebelahan bangunan sembelihan.

**RENCANA UTAMA**

**INFO Masjid Puncak Alam**

- Terletak di Puncak Alam, Selangor, ia merupakan sebuah masjid baharu yang mula dibina pada 1 Julai 2011 dan siap sepenuhnya pada 15 Jun 2014
- Berseni bina moden, masjid ini mempunyai rekaian dua menara tinggi tanpa kubah
- Masjid ini dilengkapi pelbagai kemudahan seperti pusat penyembelihan, kafeeteria, khidmat gunting rambut, dewan serba guna dan sebagainya
- Pusat penyembelihan masjid ini terkenal dengan kaedah korban moden
- Sebelum ini, pusat penyembelihan hanya digunakan pada Aidiladha, namun sejak tiga bulan lalu ia dipromosikan untuk kegunaan pihak yang berminat
- Bagi mereka yang berminat, caj yang dikenakan ialah RM100 untuk seekor lembu dan RM30 untuk upah sembelihan serta urus sembelihan
- Alamat: Masjid Puncak Alam, Persiaran Puncak Alam 1, 42300 Puncak Alam, Selangor
- No. Tel: 03-3392 2811/ 03-3392 2814

4 mengarahkan lembu dan mesin ke arah kiblat sebelum imam menyembelih haiwan itu," katanya.

**Saliran**

Mohd. Zain berkata, biasanya korban di masjid itu melibatkan tidak kurang 15 ekor lembu tetapi pada tahun ini sembelihan 20 ekor lembu akan dilakukan pada hari raya pertama Aidiladha dan lima ekor lembu lagi pada Sabtu atau hari raya keempat.



**AFIF IZWAN**



**MOHD. ZAIN**



**ASYRAFF**

Berkesempatan mengunjungi masjid itu baru-baru ini, *Kosmo!* dapati pusat penyembelihan itu boleh disiatkan moden dan berkelengkapan komprehensif. Dibina dengan reka bentuk terbuka, pengudaranya juga selesa dengan kipas-kipas di dinding.

**Imam Masjid Puncak Alam, Afif Izwan Nordin** berkata, sistem yang terdapat pada pusat penyembelihan itu bukan sahaja memudahkan urusan korban dengan mengurangkan penggunaan tenaga manusia bahkan lebih selamat dan bersih.

"Boleh dikatakan 80 peratus proses penyembelihan sehingga melapah dan memotong di pusat penyembelihan ini menggunakan bantuan teknologi.

"Jika korban tradisional mungkin memerlukan 10 orang untuk menubangkan seekor lembu, kaedah ini mungkin memerlukan cuma empat orang iaitu tiga orang memegang kepala dan seorang tukang sembeli, bilangan ini tidak termasuk seorang jurukawal mesin," katanya.

Bukan itu sahaja, Afif Izwan berkata, pusat penyembelihan itu juga dilengkapi rel besi penyangkut daging lembu di atas siling bagi memudahkan proses melapah serta sistem saliran darah lembu



**BEGINILAH** keindahan Masjid Puncak Alam di Puncak Alam, Selangor yang berseni bina moden.

**MESIN** hidraulik untuk sembelihan yang dipadukan dengan sistem saliran darah korban di lantai pusat penyembelihan menjamin kebersihan.

korban yang menapis darah beku dan lemak bagi menghindari pencemaran persekitaran.

"Bagi korban tradisional, kebiasaannya kapak digunakan untuk memotong tulang tetapi di sini, kami menggunakan mesin memotong tulang yang direka khas," katanya.

**Australia**

Menurutnya, banyak pihak telah melakukan kunjungan untuk menyaksikan amalan korban moden di pusat penyembelihan antaranya Jabatan Mufti Negeri Selangor, Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan dan masjid-masjid sekitar Kuala Lumpur.

"Pusat penyembelihan masjid ini juga pernah digunakan untuk sembelihan kambing Australia oleh satu pihak dari Australia dan telah mendapat kebenaran oleh pihak audit dari negara itu yang mendapati pusat penyembelihan ini menepati piawaian mereka. Mereka hanya menggunakan tempat ini untuk sembelihan dan bukan mesin kerana setakat ini mesin kita hanya digunakan untuk sembelihan lembu," ujarnya.

Afif berkata, sebelum ini, pusat penyembelihan ini hanya digunakan setahun sekali apabila tiba perayaan Aidiladha, namun sejak tiga bulan lalu, pihak masjid telah mempromosikan perkhidmatannya kepada orang awam

yang berminat menggunakannya untuk sembelihan.

"Setakat ini, sudah ada pihak lain yang menggunakannya untuk tujuan kenduri. Mereka perlu membawa lembu ke sini untuk sembelih kerana mesin ini berbinaan tetap," ujarnya.

Sementara itu, **jurutera di Zull Design Autotronic, Muhammad Asyraf Zulkifli** berkata, mesin tersebut dipanggil mesin hidraulik kerana dioperasikan menggunakan minyak hidraulik.

"Namun, kami biasanya hanya datang ke situ untuk melakukan servis penyelenggaraan minyak itu setahun sekali. Kebiasaannya minyak tersebut tahan lama, namun jika minyak sudah tidak elok, kita akan gantikan minyak yang baharu.

"Berat mesin hidraulik itu ialah lima tan dan diperbuat daripada besi keluli tahan karat. Boleh dikatakan, mesin yang dibeli oleh masjid tersebut adalah yang terbaik yang pernah kami hasilkan," katanya.

Selain itu katanya, rel besi penyangkut lembu itu pula menggunakan teknologi *winch* yang mana dapat mengangkat bebanan berat sehingga tiga tan.

"Pagar kandang pula yang berukuran antara enam hingga 12 meter (m) direka boleh dibuka pada setiap 1.5m, sekali gus memudahkan urusan pengalihan dan pergerakan lembu tanpa perlu digerakkan jauh," katanya.

# Rancang jadi hab halal setempat

MASJID Puncak Alam di Selangor merencana untuk menjadikan pusat penyembelihan haiwan ternakan di masjid berkenaan sebagai hab halal setempat bagi perancangan masa hadapan.

Sering menjadi tumpuan banyak pihak kerana bersifat komprehensif dan sistematik, perkara itu dilihat sesuatu yang bertepatan untuk direalisasikan.

**Nazir dan Pengurus Masjid Puncak Alam, Dr. Shuhadak Mahmud** berkata, pihak masjid merangka untuk menjadikan pusat penyembelihan itu sebagai

hab halal yang dapat menyediakan daging-daging haiwan ternakan halal dan segar bagi orang ramai khususnya penduduk di Puncak Alam.

"Kami merancang untuk menjadikannya sebagai tempat penyembelihan dan membekalkan daging-daging haiwan ternakan yang halal serta segar kepada penduduk setempat.

"Sebahagian kecil wang hasil pembelian daging itu mungkin disalurkan kepada masjid, sekali



**SHUHADAK**

gus membolehkan orang ramai membeli sambil menyumbang kepada pembangunan masjid," katanya.

Bagaimanapun, Shuhadak berkata, sasaran untuk melaksanakan program itu masih belum dapat ditentukan.

Berhubung penggunaan teknologi moden di pusat penyembelihan masjid itu, Shuhadak berkata, ia membantu memudahkan anak-anak kariah dalam melaksanakan urusan ibadah.

"Selain itu, penggunaan ini juga dapat menaikan imej masjid sebagai syiar agama Islam dan menunjukkan bahawa masjid juga seiring dengan dunia yang semakin moden.

"Ia juga akan menarik anak-anak muda dan orang ramai untuk mendampingi masjid.

"Selain itu, landskap masjid yang ceria dan menghidup dengan sokongan sistem pencahayaan serta siar raya yang dikawal selia secara rapi membantu memberikan kesesuaian kepada pengunjung," katanya.

## RUJUKAN

- 1) al-Imam Fakhr al-Razi ( 1997) *al-Tafsir al-Kabir*, Dār Ihya' al-Turath , Beirut
- 2) Sayyid Ahmad al-Syatiri ( al-Yaqut al-Nafis ) cetakan al-Haramain
- 3) Prof Wahbah ( 2011 ) *Fiqh Islami Waadillatuh* ( terj. Abd Haiy al-Kattani ) Dar al-Fikri Jakarta
- 4) Prof Muhamad al-Zuhaili ( 2009 ) *Al-Muktamad Fi Fiqh Syafei* ( terj Yusof Sinaga dan M.Haron Zain)
- 5) Dr Wahbah al-Zuhaily ( 1991 ) *al-Tafsir al-Munir*, Dār al-Fikr Beirut
- 6) Prof Abd Karem Zaidan( 2000) *al-Mufasssal Fi Ahkam Al-Marah Wa Albeit Al-Muslim Fi Al-Syariah Al-Islamiyah* Muassasah al-Risalah Lubnan
- 7) konsep penyembelihan binatang dah hikmahnya : satu kajian perbandingan empat mazhab <http://watashi-izuan.blogspot.com/2009/05/tesis>
- 8) KOSMO bertarikh 21 ogos 2018, Adham Shadan.